

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS HARI INOVASI KKLW
TAHUN 2016**

TEMA

“INOVASI PEMACU MASYARAKAT KREATIF”

**DEWAN TAN SRI ABU ZAHAR,
MENARA LPP,
KUALA LUMPUR**

**23 NOVEMBER 2016 (RABU)
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh & Salam Sejahtera.

YB Datuk Alexander Nanta Linggi
Timbalan Menteri 1 KKLW

YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub
Timbalan Menteri II KKLW

YBhg Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman
Ketua Setiausaha KKLW

YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus
YBhg. Dato' Azizan bin Mohamad Sidin dan
YBhg. Datin Seri Elena Chiang binti Abdullah
Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian
Ketua-ketua Pengarah, Pengurus Besar,
Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi,

Setiausaha-setiausaha Bahagian,
Ketua-ketua Unit, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Warga KKLW yang dikasihi; serta

Dan tidak dilupakan, rakan-rakan media sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya maka kita dapat bersama-sama hadir untuk menjayakan sambutan Hari Inovasi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Tahun 2016 yang diadakan pada hari ini.

Terima kasih saya ucapkan kepada jawatankuasa penganjur kerana telah sudi menjemput saya untuk menyempurnakan majlis perasmian pada pagi ini.

2. Sepertimana tahun-tahun sebelum ini, Hari Inovasi dianjurkan selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan inovasi sebagai salah satu agenda utama negara dalam mentransformasikan sektor awam. Inovasi dan transformasi adalah antara dua perkara yang tidak dapat dipisahkan yang kini diberi perhatian dalam memacu strategi-strategi pelaksanaan bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 yang hanya berbaki empat tahun sahaja lagi. Justeru, adalah menjadi keutamaan kepada kita, untuk terus mempergiatkan usaha dalam menyemarakkan lagi budaya inovasi, memastikan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang lebih cepat, cekap dan berkesan.

3. Pada kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih saya kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan sambutan Hari Inovasi KKLW Tahun 2016 yang bertemakan *Inovasi Pemacu Masyarakat Kreatif*. Ini merupakan hari kemuncak bagi kita meraikan kejayaan kepada semua pemenang anugerah inovasi yang bakal diumumkan sebentar nanti. Syabas dan tahniah kepada bakal pemenang. Kepada yang tidak terpilih pada tahun ini, tahniah dan terima kasih kerana telah turut sama memberikan sumbangan dalam peningkatan terhadap kreativiti dan inovasi. Saya berharap, pengiktirafan yang diterima ini dapat dijadikan suntikan semangat kepada pemenang anugerah untuk menghasilkan inovasi yang boleh mengharumkan nama Kementerian sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

4. Tema sambutan Hari Inovasi KKLW pada kali ini - *Inovasi Pemacu Masyarakat Kreatif* adalah selari dengan agenda Transformasi Membandarkan Luar Bandar. Tema ini adalah untuk memandu arah tuju KKLW dan agensi di bawahnya menterjemahkan strategi di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 iaitu "Inovasi Penjana Kekayaan" yang mana inovasi sebagai "Catalyst" dalam mewujudkan ruang dan peluang baharu kepada masyarakat luar bandar meningkatkan kesejahteraan hidup dalam aspek sosi-ekonomi dan fizikal.

Hadirin Yang dihormati sekalian,

5. Jika dilihat dari perspektif pencapaian negara di persada antarabangsa, kedudukan negara dalam Global Innovation Index 2016 telah menunjukkan penurunan di mana Malaysia telah turun tiga anak tangga iaitu pada tangga ke-35 kepada 32 berbanding tahun sebelumnya. Justeru itu, persekitaran ekosistem cara bekerja dalam organisasi mahupun gaya hidup masyarakat perlu dilonjakkan dengan drastik bagi memastikan negara kita terus kekal kompetitif dan berdaya saing melalui pemikiran secara kreatif dan inovatif (thinking out of the box). Senario ini secara tidak langsung menuntut penjawat awam khususnya untuk melipatgandakan usaha bagi mencipta pelbagai lagi cetusan idea yang berinovatif dalam sistem penyampaian perkhidmatan seiring dengan arus globalisasi yang semakin berkembang dewasa ini.

INOVASI KKLW

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

6. Hari ini genap setahun 4 hari (pelancaran pada 19 November 2015) saya melancarkan Transformasi Luar Bandar – Membandarkan Luar Bandar. Melalui transformasi sepanjang setahun ini, pelbagai program inisiatif telah dilaksanakan yang memberi tumpuan kepada enam (6) fokus utama dengan 19 agenda Transformasi ke arah penjenamaan baru luar bandar iaitu;

- Prasarana Luar Bandar
- Pembangunan Belia Luar Bandar

- Ekonomi
- Keusahawanan
- Modal Insan dan Sistem Penyampaian.

7. *Perekayasaan* program secara menyeluruh dalam memastikan kesejahteraan masyarakat luar bandar perlu dilaksanakan secara berterusan. Ia mesti dilaksanakan melalui inovasi yang mempunyai nilai tambah dan berupaya meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan seperti apa yang sering disebutkan oleh YAB Perdana Menteri, agar hasilnya berimpak tinggi dan faedahnya dirasakan oleh rakyat sendiri dengan kos yang rendah.

8. Justeru, adalah menjadi harapan saya agar warga KKLW dan agensi di bawahnya mencipta kejayaan dalam mengetengahkan pelbagai idea dan projek inovasi dengan cara bekerja secara berpasukan. Semangat ini mestilah merentasi Bahagian mahupun Agensi dalam menunaikan amanah ke arah mensejahterakan masyarakat luar bandar. Bagi merealisasikan agenda ini, setiap warga KKLW dan agensi di bawahnya dianggap sebagai AGEN TRANSFORMASI melalui pendekatan "Think Big, Act Now" dalam setiap apa jua bentuk gerak kerja yang perlu diambil ke atas amanah kerja yang dipertanggungjawabkan.

9. Mengimbas kepada pencapaian KKLW, pelbagai inisiatif yang berinovasi dan memberi faedah kepada masyarakat luar bandar telah berjaya dihasilkan. Antaranya adalah Pusat Transformasi Luar Bandar (Rural Transformation Centre) merupakan program inovasi KKLW dalam konteks di mana melibatkan transformasi bangunan yang suatu ketika dahulu tidak digunakan dan kini sebagai satu bangunan baru. RTC kini menjadi tarikan pengunjung dengan menyediakan perkhidmatan utama Kerajaan dan aktiviti ekonomi dalam masa yang cepat dan dengan kos yang rendah. Sebagai contoh, penubuhan RTC Melaka yang dahulunya hanya berfungsi sebagai bangunan Rehat & Rawat Lebuh Raya AMJ, Sg. Rambai yang kini telah bertukar sebagai sebuah pusat tumpuan masyarakat untuk mendapatkan lebih 30 perkhidmatan kerajaan/swasta dalam masa 8 minggu sahaja. Begitu juga dengan RTC Sarawak di Betong, yang dahulunya bangunan

pasar tamu terbiar yang kini telah berubah wajah menjadi pusat ekonomi setempat dan pusat perkhidmatan dengan tempoh menyiapkan bangunan RTC mengambil masa selama 6 minggu sahaja.

10. Sehingga kini, sebanyak 11 buah RTC telah berjaya ditubuhkan seluruh negara meliputi RTC Perak, Kelantan, Pahang, Johor, Kedah, Terengganu, Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan dua (2) buah di Sarawak. Pencapaian RTC bagi separuh tahun 2016 mencatatkan rekod urusan jualan sebanyak RM246 juta dengan jumlah pengunjung ke RTC seramai lebih 4.8 juta.

11. Projek Usahawan Bergerak (Mobilepreneur) merupakan satu lagi program inovasi KKLW yang memberi peluang kepada Belia Malaysia untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan atau sumber pendapatan mereka. Aktiviti menjana pendapatan secara bergerak menggunakan motosikal dalam menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan berbanding lokasi premis fizikal pada asalnya, seperti bengkel baiki motosikal, bakeri dan sebagainya.

12. Manakala dalam konteks memacu kesejahteraan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar, pembinaan Rumah Bina Negara untuk Generasi Ke-2 Luar Bandar dan pewujudan One Stop Centre melalui premis-premis kedai luar bandar yang menawarkan penjualan produk-produk usahawan desa juga merupakan projek inovasi yang dilaksanakan merentasi kawasan luar bandar oleh agensi-agensi di bawah KKLW.

13. Tidak ketinggalan juga pencapaian inovasi oleh agensi-agensi di bawah KKLW seperti FELCRA yang memberi fokus terhadap pengurusan perladangan melalui pelaksanaan program mekanisasi dalam ladang sawit menggunakan mini traktor yang bertayar lebar bercirikan Low Ground pressure (tayar LGP) bagi kawasan tanah paya dan tanah gambut dan penggunaan traktor yang dilengkapi dengan bin system, grabber dan scissorslift untuk mempercepatkan proses pengumpulan dan pengangkutan hasil dari ladang ke kilang. Di ladang getah pula, FELCRA telah melaksanakan program inovasi dalam aktiviti pengeluaran hasil getah di mana sistem torehan frekuensi rendah (TFR) yang dibantu oleh bahan penggalak susu (ethephon) yang

meningkatkan hasil pengeluaran getah. Kedua-dua projek inovasi ini dapat mengurangkan kebergantungan sepenuhnya terhadap tenaga kerja asing. Selain itu, FELCRA juga melaksanakan projek inovasi “waste to wealth” di mana segala sisa yang terhasil dalam proses pengeluaran hasil minyak di kilang-kilang sawit dipergunakan sepenuhnya untuk menghasilkan bio organic fertilizer. Di samping itu, kilang-kilang sawit FELCRA juga sedang melaksanakan projek memerangkap dan mengumpul methane gas untuk digunakan semula bagi menghasilkan tenaga elektrik (renewable energy).

14. FELCRA turut terlibat dalam mencetuskan idea inovasinya melalui pengurusan sawah padi yang mana penanaman benih padi dengan jentera transplanter diperkenalkan. Melalui kaedah ini, proses penanaman dapat dipercepatkan dan masalah padi angin dapat diselesaikan. Kesesuaian penggunaan gyrocopter dalam kerja-kerja semburan kimia dan pembajaan di ladang padi juga telah dikenalpasti yang dijangka dapat meningkatkan kecekapan pengurusan ladang padi dari segi hasil tanaman dan pendapatan serta menjimatkan kos.

15. Di bawah MARA pula, dengan tertubuhnya Asia Aerospace City (AAC), Subang di bawah konsep “Edubizpark” telah menunjukkan bahawa cetusan idea inovasi yang berterusan kian dipertingkatkan apabila terdapatnya ruang dan peluang terhadap perniagaan perkhidmatan kejuruteraan aeroangkasa dapat diketengahkan. Konsep “Edubizpark” ini adalah merupakan platform MARA mencetuskan hubungan interaktif di antara institusi pendidikan dan industri selain mewujudkan strategi baru MARA menyediakan tenaga baru khususnya dalam industri aeroangkasa.

16. Ke arah pembelajaran abad ke-21, MARA juga telah melancarkan program 21st CLD (Century Learning Design) Mara Smart Education Summit 2016. Program ini merupakan program kolaborasi antara MARA, Microsoft dan Telekom untuk digunakan di seluruh Institusi Pendidikan MARA (IPMa). Inisiatif dan inovasi yang dicetuskan oleh MARA ini membuktikan MARA sememangnya organisasi yang peka terhadap arus kemajuan dan teknologi terutamanya dalam

menyediakan sistem pengajaran dan pembelajaran yang terkini dalam melahirkan modal insan cemerlang kepada negara.

17. Selaras dengan hasrat untuk merealisasikan entrepreneurial based organization, MARA menekankan aspek pembangunan nilai-nilai bersama (shared values) yang berteraskan nilai murni seperti kreatif, inovatif, risk taker, proaktif, wisdom, value for money dan integriti serta nilai mampan ke atas setiap warga MARA. MARA hari ini yang telah banyak menyumbang kepada kejayaan Bumiputera dengan bilangan seramai 921,211 orang usahawan dan 1,127,786 orang pelajar yang memiliki 84% daripada kadar kebolehpasaran milik Bumiputera dan 37% peningkatan keperluan sumbangan modal insan negara.

18. Bagi memacu agenda memperkasakan masyarakat luar bandar khususnya Bumiputera, MARA turut menubuhkan Rural Capital Berhad (RCB) yang bertujuan menyediakan khidmat pembiayaan kewangan dan bantuan serta nasihat keusahawanan kepada usahawan Melayu dan Bumiputera. Selain itu, UniMARA juga ditubuhkan sebagai kemuncak kepada sistem pendidikan cemerlang MARA yang bersifat keusahawanan.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

19. Saban tahun kita maklum akan peranan RISDA dalam memperjuangkan nasib Pekebun Kecil. Justeru, RISDA juga telah melaksanakan idea inovasinya khusus untuk membimbing usahawan memasarkan produk-produk mereka dengan mewujudkan laman sesawang www.usahawanrisda.com. Melalui laman sesawang ini, para pembeli boleh melihat dan mengetahui tentang produk atau perniagaan dan mereka tidak perlu bersusah payah untuk keluar rumah dan mencari barangan yang mereka inginkan.

20. Bagi agensi-agensi Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) pula, usaha-usaha pembangunan perlu diteruskan melalui pelbagai program yang berimpak tinggi dan berinovatif ke arah

keseimbangan dan kesejahteraan masyarakat di wilayahnya. Sudah tiba masanya juga, idea mahupun projek inovasi ke arah mewujudkan sebuah agensi Badan Berkanun yang berpendapatan tinggi dan Self-Financing dalam kalangan agensi LKW amat digalakkan. Antaranya, mewujudkan projek-projek in-situ yang mengambil kira potensi dan kekuatan mengikut produk-produk tempatan seperti madu kelulut, cendawan, jagung dan lain-lain dengan pengemblengan dan kerja sama sumber modal insan setempat.

Hadirin Yang Dihormati sekalian,

21. Hari ini, kita akan menyaksikan penyampaian anugerah inovasi dalam tujuh (7) kategori yang dipertandingkan pada tahun ini iaitu Anugerah Kualiti Kecekapan Tadbir Urus, Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan, Anugerah Kualiti Pengurusan Sumber Manusia, Anugerah Kualiti Pengurusan Aset Alih, Anugerah Kualiti Pengurusan Pejabat Negeri Terbaik, Anugerah Penilaian Outcome Terbaik, Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (Kategori Teknikal dan Pengurusan).

22. Syabas dan tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada semua bakal penerima anugerah inovasi pada tahun ini. Semoga dengan kejayaan yang dikecapi oleh penerima anugerah kali ini akan dapat dicontohi oleh semua Jabatan Agensi dan Bahagian dalam usaha merencanakan lagi pembudayaan inovasi di agensi/Jabatan masing-masing.

23. Di akhir ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengingatkan seluruh warga KKLW agat tidak jemu untuk terus berinovasi dan mencari idea-idea baru serta jika boleh kurangkan karenah birokrasi dalam menyampaikan perkhidmatan dengan lebih baik. Penghasilan kerja kita juga perlu berteraskan outcome dengan kesan yang signifikan, nilai tambah serta peningkatan secara berganda. Saya berharap, inovasi dan kreativiti akan sentiasa menjadi asas warga kerja KKLW dalam mempertingkatkan lagi prestasi kerja, kualiti dan produktiviti.

24. Mudah-mudahan kita semua tabah dan KKLW akan terus kekal menjadi sebuah kementerian yang sentiasa mendahului dan menjadi pemangkin dan harapan rakyat dalam agenda transformasi negara khususnya membandarkan luar bandar.

Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa penganjur dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Hari Inovasi KKLW Tahun 2016.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Sambutan Hari Inovasi KKLW Tahun 2016.

Sekian, terima kasih.